



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MERENUNG SIRAH - MEMBANGUNKAN UMMAH"

7 Oktober 2022 / 10 Rabiul Awwal 1444

الحَمْدُ لِلَّهِ القَائِلِ1:

﴿ لَّقَدْكَانَ لَكُو فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أَسُوةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُواْ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۞﴾

Bermaksud: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan dia banyak menyebut Allah. (Surah Al-Ahzab, ayat 21)

أَشْهَدُ أَنْ لا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْعَابِهِ والتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَان إِلَى يَوْم الدّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ الله الله الله وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, serta mengikhlaskan setiap amalan, semoga kita sentiasa dilimpahi rahmat Ilahi, baik di dunia, begitu juga di akhirat. Menjelang sambutan Maulidur Rasul pada 9 Oktober 2022, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

"MERENUNG SIRAH - MEMBANGUNKAN UMMAH".

Sirah bermaksud perjalanan hidup Rasulullah SAW dalam melaksanakan misi risalah. Perutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk mengembalikan kehidupan manusia kepada fitrah asalnya dan hidup atas landasan syariat Allah SWT. Sesungguhnya, Baginda ialah suri teladan untuk dijadikan panduan hidup manusia.

1

¹ Pujian kepada Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Syariat yang diwahyukan kepada Baginda telah menggariskan asas - asas agama yang tersimpul dalam Rukun Iman, Rukun Islam dan ihsan yang tidak akan berubah (*al-thawabit*). Namun, ada bahagian-bahagian kehidupan yang boleh berubah selaras dengan perkembangan semasa kehidupan manusia (*al-mutaghayyirat*).

Perubahan yang berlaku bermula daripada proses berfikir dan bertaakul. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menganjurkan ummah berfikir dan mengkaji. Pemikiran dan kajian yang dilakukan secara mendalam akan menghasilkan kebijaksanaan atau hikmah. Islam sangat mengutamakan kebijaksanaan dan hikmah. Baginda SAW diperintahkan berdakwah secara berhikmah seperti yang difirmankan oleh Allah SWT:

Bermaksud: Serulah ke jalan Tuhan mu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan, dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. (Surah al-Nahl ayat 125)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bila kita mengkaji sirah Rasulullah SAW, kita dapati baginda sangat meraikan saranan yang diberikan oleh para sahabat. Antaranya, dalam peperangan Badar, al-Hubab bin al-Munzir mencadangkan kepada Baginda agar berpindah ke tempat yang lebih strategik yang membolehkan orang Islam menguasai bekalan air; Baginda bersetuju dengan saranan tersebut. Dalam peperangan *Khandak*, Salman al-Farisi, mencadangkan agar tentera Islam menggali parit, berpandukan strategi peperangan bangsa Parsi. Strategi yang pertama kali diperkenalkan di Madinah itu, telah memberi manfaat kepada tentera Islam memperoleh kemenangan.

Dalam bidang siasah, seorang sahabat mencadangkan agar Baginda menggunakan cop mohor apabila mengutus surat kepada raja dan penguasa. Baginda bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengarahkan ditempa cincin perak yang diukir padanya cop mohor.

Sirah Rasulullah juga menunjukkan bahawa Baginda memperakukan amalan yang berasaskan sains tabii. Sebagai contoh, Baginda pernah menegur amalan pendebungaan tamar (ta'bir al-nakhli) yang dilakukan oleh penduduk Madinah.



Kesannya, buah tamar pada musim tersebut kurang menjadi. Apabila dilaporkan keadaan tersebut, Baginda mengungkapkan:

Bermaksud: Kamu lebih mengetahui akan urusan keduniaan kamu. (Riwayat Muslim)

Muslimin yang dirahmati Allah,

Daripada hadis-hadis dan sirah Rasulullah SAW, dapat difahami bahawa perkaraperkara yang berkaitan kehidupan manusia, yang di luar kategori usul aqidah, usul ibadah dan nilai akhlak, kita dituntut untuk melakukan kajian, penyelidikan, dan analisis; belajar daripada pengalaman lalu dan bersedia mengambil manfaat daripada kebijaksanaan tamadun luar, serta ilmu-ilmu baru yang berasaskan sains, teknologi dan pengurusan.

Oleh itu, penglibatan pelbagai pihak meliputi pemimpin masyarakat, ilmuwan agama, pakar teknologi dan pakar pengurusan, serta golongan belia juga wanita, perlu digabungjalinkan untuk mencetuskan idea-idea baru lagi segar. Bahkan, pandangan anak muda dan pemikiran pakar-pakar bukan Islam boleh diterima pakai, jika terbukti membawa manfaat, selagi tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam. Hal ini dibuktikan berdasarkan sirah Baginda dalam peristiwa hijrah, Baginda telah dibantu oleh seorang penunjuk jalan bukan Islam bernama 'Abdullah bin Uraiqit, melalui jalan yang tidak biasa dilalui oleh orang ramai untuk menuju Madinah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kurang keberkesanan pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh para umarak, ulama dan pendakwah menggerakkan program pembangunan ummah, telah mengakibatkan lahirnya masyarakat yang semakin jauh daripada ajaran Islam. Masyarakat lebih tertarik kepada hiburan yang melalaikan, gaya hidup mewah yang menunjuk-nunjuk, tidak peduli sumber pendapatan sama ada halal atau haram, dan sekadar menjadi masyarakat pengguna teknologi tanpa kebijaksanaan menapis dan mengubahsuai. Masalah menjadi lebih parah apabila sebahagian mereka yang diberikan kepercayaan menjadi pemimpin, terpalit dengan rasuah, perbuatan pecah amanah dan salah guna kuasa, serta bergelumang dengan maksiat, dan tercemar dengan pelbagai skandal.



Lebih memudaratkan, apabila terdapat orang-orang yang mengakui diri mereka sebagai agamawan, sanggup memperalat dan memperdagangkan agama, menggunakan pelbagai helah dan hujah untuk kepentingan diri.

Kita wajib bangkit membetulkan segala kepincangan yang sedang berlaku. Perlu ditegaskan pentingnya umat Islam terutama kalangan remaja menguasai ilmu secara mendalam dan memiliki kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang. Perlu disemarakkan, pendekatan dakwah yang santai, tetapi secara berkesan diterima, difahami dan dihayati oleh masyarakat. Aplikasi teknologi dan media sosial untuk sebaran dakwah perlu digiatkan. Umarak, ulama dan para belia perlu digabungkan dan disepadukan tenaga agar usaha meremajakan gerakan membangunkan ummah dapat dicapai.

Gerakan pembangunan ummah perlu sentiasa diberikan nafas baharu supaya relevan dengan arus semasa. Sirah Rasulullah mempunyai banyak hikmah dan pengajaran untuk dijadikan panduan dalam hasrat dan usaha mahu meniupkan semangat dan nafas baharu menggerakkan usaha pembangunan ummah.

Mimbar memperingatkan perkara-perkara berikut:

Pertama: Umat Islam wajib menjadikan Rasulullah SAW sebagai suri teladan dalam segenap aspek kehidupan untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Sikap dan cara kepimpinan Baginda hendaklah dijadikan contoh kepimpinan, disemai bermula daripada usia tadika, diasuh di pelbagai institusi latihan, diserap dalam budaya kerja jabatan, institusi, agensi dan syarikat.

Kedua: Gerakan pembangunan ummah merupakan kesinambungan misi perutusan Rasulullah SAW. Usaha tersebut perlu disegarkan dan diberi nafas baru dengan melibatkan penyertaan pelbagai kumpulan, usia dan jantina; serta disesuaikan dengan kaedah, tuntutan, cabaran dan perkembangan semasa.

Ketiga: Bersedia menerima pandangan yang berbeza dan pemikiran baharu, juga bersedia melibatkan serta memberikan kepercayaan golongan remaja untuk sama berada di barisan hadapan, memimpin gerakan pembangunan ummah yang lebih semasa corak dan kaedahnya.



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذَّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَمِنْكُمْ وَلِسَاعِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْواتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِللّهِ حَمْدًا كَثِيْرًا كَمَّا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَن لا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَسَلِمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَنْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ! إِتَّقُوْا اللهَ وَكُونُوْا مَعَ الصَّادِقِيْنَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَتَهِ كَتَهُ مُصَلُّونَ عَلَى ٱلتَّبِيِّ يَتَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسَلِيمًا اللَّهُمُّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَّ صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَّ بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَّ بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Tagwa

⁷ Ayat Al-Quran



وَالْمُؤْمِنِيْنَ والْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِمْ وَاجْعَلْ فِيْ قُلُوْبِمُ الْإِيْمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبَّتُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُوْلِ اللهِ عَلِيِّةٍ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Berikanlah kesedaran dan kekuatan kepada kami untuk mencontohi akhlak dan keperibadian junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبِّنَا عَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ فَيَا عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى ٱلْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ ٱلْفَحْشَآهِ فَيَا عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللّهَ يَالُمُنكُرُ وَاللهُ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمُ لَعَلَّكُمُ وَاللّهُ مَا تَصْنَعُونَ ﴾ فَاذْكُرُوا الله الْعَظِيمَ يَذْكُرُمُ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَصْلِهِ يُعْطِكُمْ ، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin